

# Bank Negara teruskan urusniaga matawang asing

KUALA TERENGGANU 10 April — Bank Negara akan terus menjalankan urusniaga matawang asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, urusniaga matawang asing (forex) bukanlah menjadi masalah Bank Negara yang telah mengakitkannya kerugian RM5.7 bilion, tetapi masalahnya ialah jumlah pegangan sesuatu matawang asing yang terlalu besar.

"Kita kena ada urusniaga forex sama ada kita suka atau tidak kerana kalau kita tak jual matawang asing, mungkin matawang kita turun dan kita tiada pengimbal.

"Jadi kalau kita beli matawang asing, sekurangnya jika kita letak dalam 'bakul' dengan bermacam-macam mata wang lain, kita boleh bertahan sedikit.

"Tetapi kalau kita simpan sesuatu matawang itu terlalu banyak dan jika nilainya turun, kita akan menghadapi masalah," jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar mengakhiri lawatan dua harinya ke Terengganu petang ini.

Mengenai perlantikan baru Gabenor Bank Negara, Perdana Menteri berkata, beliau berharap, bekas Pengerah Urusan Malayan Banking Berhad itu, Ahmad Mohamed Don dapat meng-

uruskan kewangan negara dengan baik.

Ditanya sama ada beliau yakin dengan perlantikan gabenor baru itu, apa yang telah berlaku terhadap Bank Negara tidak akan berulang, Dr. Mahathir berkata:

"Saya tak boleh menjamin apa-apa. Kalau tak berlaku yang itu (kerugian 5.7 bilion urusniaga hadapan matawang asing) mungkin lain perkara yang terjadi.

"Kita cuma boleh cuba tetapi kadang-kadang ada juga yang lari daripada ketentuan kita."

Mengenai kenyataan Presiden Parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah yang mendakwa kerugian Bank Negara sebanyak RM5.7 bilion itu melibatkan Menteri Kewangan secara langsung, Dr Mahathir menegaskan:

"Kita semua bertanggungjawab. Oleh itu, kita

akan memberi peluang kepada rakyat untuk memilih apabila tiba masanya."

Ditanya arahan Kerajaan Pusat baru-baru ini supaya satu siasatan kewangan dijalankan bagi meneliti akaun Kerajaan Sabah sewaktu diperintah Parti Bersatu Sabah (PBS), Perdana Menteri berkata, ia mungkin diperluaskan ke negeri-negeri lain jika perlu.